

## PERSEPSI PELAJAR INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI TERHADAP PEPERIKSAAN MERUJUK BUKU

Ahmad Bin Esa

Fakulti Teknologi Kerujuruteraan

Khairul Azman bin Mohd Suhaimy

Pusat Pengajian Kemanusiaan dan Komunikasi

Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO)

### Abstrak

*Penghasilan kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti keberkesanan peperiksaan merujuk buku daripada persepsi pelajar institusi pengajian tinggi. Selain daripada itu, kajian ini juga bertujuan mengenal pasti masalah-masalah yang pelajar hadapi dalam menduduki peperiksaan tersebut dan menentukan bentuk-bentuk peperiksaan lain, khususnya berkaitan dengan perkembangan teknologi komputer dan internet yang sesuai digunakan dalam mengukur prestasi pelajar. Menerusi kaedah penstrataan sampel, penyelidik telah melibatkan sejumlah 995 orang responden yang merupakan pelajar-pelajar yang telah mempunyai pengalaman menduduki peperiksaan merujuk buku di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn (KUiTTHO). Instrumen yang digunakan ialah soal selidik bagi mengenal pasti persepsi penerimaan pelajar terhadap keberkesanan peperiksaan merujuk buku. Instrumen yang terdiri daripada soalan-soalan peperiksaan biasa dan merujuk buku dan taburan markah kedua-dua peperiksaan tersebut pula digunakan untuk mengenal pasti perbezaan pencapaian pelajar dalam kedua-dua peperiksaan tersebut. Data-data yang diperolehi direkodkan menggunakan program SPSS versi 10 dan seterusnya beberapa analisis telah dijalankan menggunakan kaedah statistik diskriptif dan interval seperti min, sisihan piawai, frekuensi. Ujian T, Anova Sehala dan LSD mengikut objektif dan hipotesis yang telah ditetapkan. Dapatkan kajian menunjukkan pelajar memberikan maklum balas positif terhadap penerimaan peperiksaan merujuk buku. Walaupun terdapat perbezaan persepsi yang signifikan di kalangan pelajar berlainan tahap pengajian, program dan kursus terhadap domain-domain tertentu dalam penerimaan peperiksaan merujuk buku, hasil analisis statistik yang dilakukan perbezaan tersebut menjurus kepada perbezaan ketinggian aras persetujuan. Beberapa masalah dalam peperiksaan merujuk buku seperti masalah tempat peperiksaan yang tidak selesa dan kos peperiksaan yang tinggi telah dikenal pasti dalam kajian ini.*

### Pengenalan

Alvin Toffler (1971) di dalam bukunya *Future Shock* di dalam bab *Education In The Future Tense* menjelaskan bahawa sistem pendidikan mestilah bukan sahaja mendidik kanak-kanak untuk memahami suasana lepas dan menghadapi suasana semasa malah yang lebih penting ialah menghadapi suasana akan datang.

Satu kunci penting dalam sistem pendidikan ialah peperiksaan. Sehubungan dengan itu, mestilah difahami dengan jelas segala pencirian berkaitan penilaian dalam sistem pendidikan agar sistem penilaian yang sedia wujud dapat dimurnikan ke arah sistem pendidikan yang lebih memenuhi dan melampaui kehendak semasa terutamanya dalam memenuhi tuntutan pasaran global.  
(<http://members.tripod.com/~sarjana/taraf1.html>)

Menurut Theophilides dan Dionysiou (1996) dalam Loi Soh Lai dan Wu Yuan (2001),

*“Referring to this type of examination Tussing posited as early as 1951 that the open-book examination removes much of the fear and emotional block encountered by students during examination, while, at the same time, it emphasizes practical problems and reasoning rather than recall of facts.”*

Peperiksaan merujuk buku boleh dilaksanakan sama ada di rumah (*take-home exam*) atau di kampus. Dalam peperiksaan merujuk buku, pelajar boleh membawa buku teks dan nota semasa peperiksaan. Peperiksaan bentuk ini adalah lebih sukar berbanding peperiksaan tutup buku kerana peperiksaan merujuk buku adalah bertujuan untuk mengukur keupayaan untuk mengorganisasi dan menggunakan semula maklumat dan bukan sekadar menguji kefahaman terhadap bahan pengajian.

Selain itu, pensyarah juga lazimnya lebih tegas dalam menanda jawapan bagi peperiksaan merujuk buku memandangkan peluang merujuk telah diberikan. Tambahan lagi, peperiksaan merujuk buku bukanlah bermakna pelajar hanya perlu belajar sedikit atau tidak perlu belajar langsung memandangkan buku boleh dirujuk dan bukan juga hanya menyalin bulat-bulat daripada bahan rujukan, sebaliknya peperiksaan merujuk buku ini akan menguji kemahiran untuk menggunakan semula dan melakukan adaptasi terhadap bahan.

Dalam konteks Taksonomi Bloom, peperiksaan merujuk buku membolehkan soalan-soalan peperiksaan dikemukakan kepada pelajar pada aras aplikasi hingga ke penilaian. Menurut Feller (1994) dalam Loi Soh Lai dan Wu Yuan (2001), peperiksaan tidak merujuk buku hanya menguji kebolehan pelajar melakukan sesuatu berdasarkan ingatan. Sebaliknya, peperiksaan merujuk buku merupakan penilaian di peringkat tinggi seperti menguji konseptual, penyelesaian masalah dan hampir sempurna mendedahkan pelajar kepada situasi dunia sebenar.

Loi Soh Lai dan Wu Yuan (2001), yang menjalankan kajian ke atas pelajar tahun pertama kursus Statistik Perniagaan di Sekolah Akauntan dan Perniagaan, Universiti Teknologi Nanyang, Singapura, mendapati lebih 60% daripada 583 responden dalam kajiannya lebih bersedia menduduki peperiksaan merujuk buku berbanding dengan peperiksaan tutup buku. Didapati tidak terdapat perbezaan persepsi di kalangan responden terhadap pernyataan peperiksaan merujuk buku dapat mengurangkan tekanan dan menyediakan kemahiran pemikiran logik.

Theophilides dan dionysiou (1996) dalam Loi Soh Lai dan Wu Yuan (2001) yang menjalankan penyelidikan ke atas fungsi utama kegunaan peperiksaan merujuk buku mendapati menerusi peperiksaan tersebut pelajar boleh menggunakan pengetahuan secara kreatif, menguasai kandungan kursus, boleh memberi maklum balas dan penilaian kendiri, dapat mengurangkan tekanan peperiksaan dan berkeupayaan melakukan pembelajaran kendiri. Bagaimanapun dalam konteks pencapaian pelajar, Loannidou (1997) dalam Loi Soh Lai dan Wu Yuan (2001) mendapati peperiksaan merujuk buku bukanlah penilaian yang baik berbanding peperiksaan tutup buku dalam penentuan perbezaan kebolehan pelajar.

Peperiksaaan yang sedia ada lebih menekankan konsep menghafal. Ini diakui oleh pensyarah di Jabatan Sejarah Universiti Malaya (UM), Prof. Datuk Dr. Ramlah Adam yang menurutnya kaedah menghafal akan menyebabkan pelajar berasa bosan terhadap mata pelajaran berkenaan dan sekali gus menyebabkan mereka tidak menghayati pengajaran atau mesej yang disampaikan. Menyedari hakikat ini, pasaran kerjaya perlu dilihat sebagai misi selepas pelajar melalui sistem pendidikan normal. Seandainya, kaedah penilaian masih berada di takuk yang lama, dibimbangi pekerja-pekerja yang akan lahir adalah berada pada tahap kualiti kerja yang rendah dan seterusnya gagal untuk merealisasikan misi dan visi orgaensisasi yang disertai serta pembangunan negara.

Profesor Khoo Kay Kim dalam satu wawancara dengan wartawan Berita Harian Syuhada Choo Abdullah(2001) menyatakan,

“...Thailand sudah membuat pengumuman hendak merombak sistem pendidikannya yang ada sekarang kerana sistem di mana pelajar dan penuntut di universiti dikehendaki menghafal atau memberi jawapan seperti yang sudah ditentukan; tidak akan membantu negara itu mencapai kemajuan. Mereka sudah memahami hakikat itu.”

### Pernyataan Masalah

Dalam pentadbiran peperiksaan bentuk biasa, pelajar dituntut untuk menghafal sesuatu fakta. Kegagalan menghafal akan menyebabkan pelajar tidak cemerlang dalam keputusan peperiksaan. Persoalannya, adakah pelajar-pelajar yang menghafal itu benar-benar cemerlang? Apakah pelajar-pelajar yang tidak menghafal itu tidak cemerlang? Bagaimana hendak diuji kemahiran berfikir, mengaplikasi dan menilai yang dimiliki oleh pelajar sekiranya mereka tidak menghafal? Nordin Kardi (Utusan Malaysia, 2001) yang mengulas mengenai pencapaian pelajar Melayu menyatakan bahawa berdasarkan pengamatannya pelajar Melayu adalah cemerlang berbanding dengan pelajar bukan Melayu dalam kerja-kerja lapangan dan mereka sebenarnya gemar dengan tugas luar berbanding kaedah menghafal. Robiah Sidin (1994) turut memberikan ciri keupayaan pelajar mencari maklumat merupakan antara ciri pelajar cemerlang. Dalam konteks inilah pendekatan merujuk buku dalam peperiksaan

adalah relevan. Ini adalah kerana, dengan merujuk buku mahasiswa diuji mencari maklumat dan tidak bergantung kepada kebolehan menghafal sepenuhnya. Mohanan K.P.(1997), menyatakan menerusi *open book examinations* pelajar dapat menguji kebolehan aplikasi pengetahuan, penilaian pengetahuan dan pengetahuan kreatif.

Di peringkat nasional, bekas Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, Tan Sri Datuk Dr. Wan Mohd. Zahid Mohd Nordin dalam Sooraj Nair (1996) menjangkakan sistem *open book* akan dilaksanakan di peringkat sekolah rendah dan menengah pada tahun 2000. Menurut beliau, bentuk peperiksaan sedemikian dapat mengenal pasti daya intelek pelajar yang tidak dapat menghafal fakta. Ini adalah kerana menerusi sistem tersebut pelajar perlu menggunakan daya fikir dan situasi tersebut lebih sesuai merangsang kemahiran berfikir berbanding dengan cara menghafal fakta (<http://st-www.cs.uiuc.edu/~chai/berita/960830-960930/0213.html>). Di peringkat luar negara pula beberapa universiti telah dikenalpasti menggunakan pendekatan peperiksaan merujuk buku seperti Universiti Wyoming dan Universiti Terbuka Hong Kong. Malahan di California, kebanyakan kolej telah diwujudkan unit peperiksaan yang mengendalikan peperiksaan *open book* (<http://www.cchs.edu/testing/unitexms.html>). Di peringkat Asean, peperiksaan merujuk buku telahpun dilaksanakan di Universiti Teknologi Nanyang, Singapura.

Memandangkan beberapa pandangan yang menyatakan kelebihan peperiksaan merujuk buku berbanding kaedah peperiksaan lazim, maka adalah wajar satu kajian dijalankan untuk melihat persepsi mahasiswa yang telah mempunyai pengalaman menduduki sistem peperiksaan tersebut. Ini kerana kajian yang dijalankan dapat menjawab beberapa persoalan, antaranya sejauh mana penerimaan mahasiswa terhadap peperiksaan merujuk buku? Apakah masalah yang timbul dalam pengendaliannya? Apakah kaedah perlaksanaan peperiksaan lain yang boleh menyokong keberkesanannya sistem peperiksaan?

## Objektif Kajian

Objektif kajian adalah seperti berikut:

- a) Mengetahui penerimaan pelajar terhadap kaedah peperiksaan merujuk buku dalam peperiksaan.
- b) Mengenal pasti perbezaan persepsi daripada segi peringkat pengajian, program pengajian dan kursus yang diikuti.
- c) Mengenal pasti masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam menduduki peperiksaan merujuk buku.
- d) Menentukan kaedah-kaedah peperiksaan lain yang sesuai dengan perkembangan teknologi maklumat mengikut pandangan pelajar.

### Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian adalah seperti berikut,

Tidak terdapat perbezaan persepsi yang signifikan antara pelajar peringkat pengajian, program dan kursus terhadap penerimaan peperiksaan merujuk buku.

### Skop Kajian

Skop kajian adalah seperti berikut,

- a) Kajian ditumpukan kepada pelajar yang telah mengambil kursus Pengajian Umum dan telah mempunyai pengalaman menduduki peperiksaan merujuk buku di KUiTTHO.
- b) Perbezaan persepsi hanya melibatkan perbezaan peringkat pengajian, program pengajian dan kursus Pengajian Umum yang diikuti.
- c) Persepsi pelajar terhadap kaedah peperiksaan merujuk buku dalam peperiksaan hanya ditumpukan kepada kursus dalam Unit Sains Sosial dan Unit Pendidikan Islam yang melibatkan tiga kursus.

### Reka Bentuk Kajian

Sumber kajian adalah terdiri daripada pelajar-pelajar yang mengambil kursus Pengajian Umum dan mempunyai pengalaman menduduki peperiksaan merujuk buku di KUiTTHO pada semester kedua sesi 2000/2001. Mereka terdiri daripada pelajar peringkat pengajian ijazah sarjana muda dan diploma yang mengikuti program Kejuruteraan Awam, Elektrik dan Mekanikal dan mengambil peperiksaan bagi tiga kursus yang ditawarkan oleh Unit Sains Sosial dan Unit Pengajian Islam.

Jumlah keseluruhan pelajar atau populasi kajian ialah 1,108 orang (rekod Unit Sains Sosial). Daripada jumlah tersebut bilangan sampel yang diambil ialah 995 orang iaitu pada aras keyakinan 99% berdasarkan jadual saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970). Pemilihan sampel dalam kajian ini menggunakan pendekatan persampelan rawak berlapis atau penstrataan sampel. Tujuan menggunakan kaedah tersebut ialah untuk memastikan setiap unsur populasi diwakili. Kaedah ini dikatakan lebih anjal kerana pengkaji bebas memilih sampel berdasarkan pengetahuan terhadap populasi, unsur-unsur dalam populasi dan tujuan kajian dijalankan (Babbie, 1973).

**Jadual 1:** Jumlah Sampel Mengikut Penstrataan Kursus Pengajian Umum, Peringkat Pengajian Dan Program Yang Diikuti

Kursus Peringkat Pengajian/Program	A	B	C	Jumlah
Diploma Elektrik	16	39	28	83
Diploma Awam	18	45	33	96
Diploma Mekanikal	20	48	35	103
Ijazah Elektrik	40	98	71	209
Ijazah Awam	46	114	83	243
Ijazah Mekanikal	49	123	89	261
Jumlah	189	467	339	995

Instrumen utama yang digunakan dalam kajian ini adalah melalui kaedah soal selidik. Kajian rintis telah dijalankan menggunakan program “Statistical Package For Social Science (SPSS)” versi 10 dan hasilnya didapati kebolehpercayaan semua item dalam soal selidik tersebut ialah 0.796. Oleh itu adalah diyakini bahawa semua item di dalam soal selidik mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi. Menurut Jamian Jaafar (1996), data-data terkumpul yang mempunyai alpha 0.6 dan ke atas adalah mempunyai kebolehpercayaan yang baik.

Statistik min, sisihan piawai, Ujian T dan One Way Anova telah digunakan untuk memenuhi objektif kajian dan menguji hipotesis-hipotesis yang dibina. Ujian “Least – Significant Differences (LSD)” digunakan apabila hasil ujian analisis One Way Anova menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan. Aras kesignifikalan ditetapkan pada aras keyakinan 0.05 ( $0.05/2 = 0.025$ ).

### Dapatan Kajian

- a) Penerimaan Pelajar Terhadap Peperiksaan Merujuk Buku.

**Jadual 2:** Min Keseluruhan Persepsi Penerimaan Pelajar Terhadap Peperiksaan Merujuk Buku

	N	Minimum	Maksimum	Min	Std. Deviation
Min penerimaan	995	1.60	5.00	4.3323	.4990
Min kemahiran berfikir	995	1.60	5.00	4.1779	.4953
Min penilaian kursus	995	2.00	5.00	3.9459	.5317
Min objektif kursus	995	1.80	5.00	4.1491	.4972
Min keseluruhan	995	1.75	5.00	4.1513	.4332
Valid N (listwise)	995				

Jadual 2 di atas menunjukkan min keseluruhan ialah 4.15 dan ini bererti responden menerima bentuk peperiksaan merujuk buku digunakan dalam peperiksaan kursus-kursus pengajian umum di KUiTTHO. Daripada segi domain didapati domain berkaitan dengan penerimaan responden adalah paling diterima oleh responden iaitu dengan min 4.33, diikuti dengan domain kemahiran berfikir dengan min 4.17, domain objektif kursus dengan min 4.14 dan domain yang paling rendah dipersetujui oleh responden ialah domain penilaian kursus dengan min 3.94.

b) Perbezaan Persepsi Antara Pelajar.

**Jadual 3:** Analisis Perbezaan Persepsi Antara Pelajar Berlainan Peringkat Pengajian, Program Dan Kursus Terhadap Penerimaan Peperiksaan Merujuk Buku

	Penerimaan	Kemahiran Berfikir	Penilaian Kursus	Objektif Kursus	Keseluruhan
Tahap Pengajian*	0.210	0.002	0.010	0.004	0.004
Program Pengajian**	0.055	0.019	0.015	0.013	0.024
Kursus**	0.261	0.044	0.000	0.004	0.006

\* Angka dalam kotak ialah nilai signifikan hasil Ujiat T dua hujung

\*\*Angka dalam kotak ialah nilai signifikan hasil Ujian Anova Sehala dua hujung.

Merujuk kepada Jadual 3 di atas, didapati nilai signifikan keseluruhan yang diperolehi hasil Ujian T dan Anova Sehala dua hujung adalah kurang daripada nilai signifikan/alfa yang ditetapkan iaitu 0.025 (0.05/2). Oleh itu, Ho adalah ditolak iaitu terdapat perbezaan persepsi yang signifikan antara responden berlainan tahap pengajian, program dan kursus terhadap penerimaan peperiksaan merujuk buku.

Daripada Ujian LSD yang dijalankan didapati terdapat perbezaan persepsi antara pelajar Program Awam dengan Program Elektrik manakala tiada perbezaan persepsi antara pelajar Program Awam dengan Program Mekanikal dan pelajar Program Elektrik dan Program Mekanikal terhadap penerimaan peperiksaan merujuk buku. Bagi kategori kursus pula didapati terdapat dua perbezaan persepsi iaitu antara pelajar kursus A dengan kursus B dan antara pelajar kursus A dan kursus C manakala tiada perbezaan persepsi antara pelajar kursus B dan kursus C. Walau bagaimanapun daripada analisis min yang dijalankan didapati perbezaan berlaku bukanlah pada aras ekstrem (tidak bersetuju dengan bersetuju) tetapi pada aras ketinggian persetujuan.

c) Masalah Yang Dihadapi Dalam Peperiksaan Merujuk Buku

**Jadual 4 : Min Persepsi Masalah Yang Dihadapi Menerusi Peperiksaan Merujuk Buku**

	N	Minimum	Maximum	Mean	Std. Deviation
Berlaku ketidakadilan	995	1	5	3.80	.99
Kekurangan buku dengan rujukan	995	1	5	4.00	.80
Kurang kemahiran mencari fakta	995	1	5	3.75	.86
Lebih merumitkan	995	1	5	3.61	.92
Masa tidak mencukupi	995	1	5	3.74	.96
Valid N (listwise)	995	1	5		

Melihat kepada Jadual 4 di atas, didapati pelajar bersetuju bahawa kekurangan buku dan rujukan merupakan masalah dalam peperiksaan merujuk buku dengan min 4.00 dan berlaku ketidakadilan sekiranya terdapat pelajar yang memiliki sumber rujukan yang melebihi pelajar lain (min 3.80). Bagi pernyataan yang lain didapati pelajar menyatakan kurang bersetuju iaitu pernyataan yang berkaitan dengan mereka kurang mahir mencari fakta (min 3.75), peperiksaan merujuk buku lebih merumitkan (min 3.61) dan masa yang diberi dalam peperiksaan tidak mencukupi (3.74). Didapati juga maklum balas responden adalah tertumpu bagi setiap item yang dikemukakan ini adalah kerana nilai sisihan piawai yang diperolehi adalah kurang daripada satu iaitu berada dalam lingkungan 0.80 dan 0.99.

Di samping itu menerusi maklum balas item terbuka yang terdapat di dalam soal selidik, pengkaji mendapati terdapat beberapa masalah lain yang dihadapi oleh pelajar dalam menduduki peperiksaan merujuk buku. Antara masalah-masalah tersebut ialah tidak membuat ulang kaji, tidak biasa, cenderung untuk menyalin, keliru dengan fakta, banyak sangat bahan rujukan, tempat yang tidak selesa, tidak minat mengikuti kuliah dan kos yang tinggi.

d) Bentuk-bentuk Peperiksaan Yang Lain

Jadual 5 di bawah menunjukkan seramai 66 orang responden (6.6%) mengemukakan cadangan menggunakan e-mel dalam mentadbir peperiksaan bagi kursus Pengajian Umum, seramai 25 orang responden (2.5%) menyarankan menggunakan menggunakan 'bulletin board' seperti 'Nicanet.org' dan 'Backboard.com' untuk melaksanakan peperiksaan. Laman Web peribadi menerima cadangan daripada 4% atau sejumlah 40 orang responden untuk digunakan dalam menjalankan peperiksaan.

Jadual.5 : Bentuk-bentuk Peperiksaan Yang Lain Dalam Mentadbir Peperiksaan

	Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid E-mail	66	6.6	6.6	6.6
Bulletin board	25	2.5	9.1	9.1
Laman Web	40	4.0	13.2	13.2
Take home	273	27.4	40.6	40.6
Lain-lain kaedah	265	26.6	67.2	67.2
Gabungan dua kaedah (emel dan take home)	326	32.8	32.8	100.0
Total	995	100.0	100.0	

'Take home' merupakan saranan kedua popular daripada kalangan responden iaitu sebanyak 27.4% atau 273 orang responden bersetuju kaedah tersebut digunakan untuk mentadbir peperiksaan. Sejumlah 265 orang (26.6%) memberikan beberapa kaedah lain daripada sudut persepsi mereka sesuai digunakan dalam melaksanakan peperiksaan ..seperti peperiksaan secara berpasangan, peperiksaan secara berkumpulan, peperiksaan secara lisan, peperiksaan dalam bentuk membuat kajian lapangan dan tidak perlu ada peperiksaan. Gabungan kaedah e-mel dan 'take home' merupakan pilihan yang paling popular di kalangan responden untuk mentadbir peperiksaan iaitu seramai 326 orang responden (32.8%).

## Kesimpulan Dan Penutup

### Kesimpulan

Secara keseluruhannya, dapatan menunjukkan responden memberi maklum balas positif daripada segi persepsi menerima bentuk peperiksaan merujuk buku dalam peperiksaan kursus-kursus Pengajian Umum di KUiTTHO. Dapatan untuk domain penerimaan menunjukkan mereka menerima bahawa peperiksaan merujuk buku sesuai dengan kursus yang diikuti dan peringkat pengajian. Dapatan ini menyokong hasil kajian yang dijalankan oleh Loi Soh Lai dan Wu Yuan (2001) yang mendapati 60% daripada sampel menerima peperiksaan merujuk buku berbanding peperiksaan menutup buku.

Melihat kepada domain kemahiran berfikir dalam persepsi penerimaan peperiksaan merujuk buku, responden memberikan persetujuan dan antara pernyataan menarik yang dipersejutui ialah berkaitan dengan peperiksaan merujuk buku dapat mencabar

minda. Dapatkan ini selari dengan pandangan yang dikemukakan oleh bekas Ketua Pengarah Pendidikan Malaysia, Tan Sri Datuk Dr. Wan Mohd. Zahir bin Mohd. Nordin dalam Sooraj Nair (1996) yang menyatakan menerusi peperiksaan merujuk buku dapat merangsang kemahiran berfikir pelajar berbanding dengan kaedah menghafal dan juga pandangan Profesor Madya Winston Seah daripada Fakulti Kejuruteraan dalam Mohanan K.P. (2001) yang menyatakan menerusi peperiksaan merujuk buku boleh menguji kedua-dua aspek iaitu pengetahuan dan kebolehan berfikir menerusi jenis soalan yang meminta pelajar melihat tanggungjawab dalam situasi sebenar dalam kerjaya jurutera profesional.

Dalam domain penilaian, dapatkan juga menunjukkan penemuan positif. Antara pernyataan yang dipersetujui oleh responden ialah peperiksaan merujuk buku dapat memberikan gambaran sebenar penguasaan pelajar terhadap sesuatu kursus dan kecemerlangan seseorang pelajar dapat diukur dengan lebih tepat. Daripada segi manfaat kepada pensyarah, responden bersetuju bahawa menerusi kaedah peperiksaan tersebut pensyarah akan dapat memperbaiki kaedah pengajaran dan membina pelbagai aras soalan dalam peperiksaan (satu daripada segi objektif penilaian ialah untuk mengenal pasti kekuatan/kelemahan pengajaran pensyarah). Penemuan ini dapat mengatasi keraguan yang dikemukakan oleh Robiah Sidin (1994) dan Mohd. Najib Ghafar (1997) yang menyatakan peperiksaan adalah ukuran terhad kepada pengiktirafan kecemerlangan pelajar. Ini adalah kerana dengan peperiksaan merujuk buku memberi peluang secara adil dan saksama kepada semua pelajar tanpa bersandarkan kepada faktor kekuatan minda daripada segi penghafalan. Analoginya, sekurang-kurangnya seorang penuntut yang sedang sakit (tidak dapat menghafal) masih berpeluang untuk menjawab dan menganalisis menerusi cara peperiksaan merujuk buku. Dapatkan ini juga bersepadan dengan pandangan yang dikemukakan oleh Mohanan K.P. (2001) yang menyatakan menerusi peperiksaan merujuk buku seorang pensyarah boleh mempelbagaikan kaedah pengajaran.

Responden juga memberikan maklum balas yang positif bagi domain objektif kursus. Antara pernyataan menarik yang dipersetujui oleh responden ialah berkaitan dengan berasa tercabar untuk mencapai objektif kursus dan menggambarkan penguasaan sebenar pelajar bagi sesuatu kursus. Penemuan ini menyokong pendapat yang diketengahkan oleh Mohanan K.P. (2001) iaitu peperiksaan merujuk buku membolehkan pelajar menguasai kandungan kursus secara tidak langsung menerusi peperiksaan yang menguji keupayaan dan kecekapan pelajar mengaplikasi pengetahuan dalam bentuk maklumat yang baru. Sebenarnya soalan berbentuk orientasi-aplikasi merupakan instrumen yang lebih baik untuk menguji penguasaan kandungan sesuatu kursus. Begitu juga pandangan yang dikemukakan oleh Theophilides dan Dionysiou (1996) dalam Loi Soh Loi dan Wu Yuan (2001) yang menyatakan keputusan peperiksaan merujuk buku menunjukkan penguasaan terhadap kandungan sesuatu kursus.

Bagi tujuan memantapkan lagi hasil kajian, pengkaji telah menjalankan ujian Anova Sehala untuk melihat perbezaan persepsi di kalangan pelajar berlainan kategori iaitu peringkat pengajian, program dan kursus. Dapatkan menunjukkan hanya terdapat satu domain sahaja yang menunjukkan tidak ada perbezaan persepsi di kalangan pelajar berlainan kategori tersebut terhadap bentuk peperiksaan merujuk buku dalam peperiksaan iaitu domain penerimaan. Bagi tiga domain yang lain, dapatkan kajian menunjukkan wujudnya perbezaan pandangan dalam ketiga-tiga kategori tersebut. Walau bagaimanapun setelah Ujian LSD dijalankan didapati perbezaan persepsi yang wujud bukanlah dalam bentuk ekstrim iaitu di antara bersetuju dengan tidak bersetuju tetapi lebih kepada perbezaan ketinggian darjah persetujuan. Satu daripada dapatkan yang menunjukkan perbezaan ialah wujudnya perbezaan pandangan pelajar berlainan kursus terhadap domain kemahiran berfikir. Dapatkan ini mempunyai persamaan dengan kajian yang dijalankan oleh Loi, Soh Loi dan Wu Yuan (2001) yang mendapati wujud perbezaan pandangan antara pelajar berlainan kursus terhadap penerimaan peperiksaan merujuk buku dalam aspek kurang tekanan dan lebih banyak menggunakan kemahiran berfikir secara logik. Bagi dapatkan domain penerimaan yang tidak menunjukkan perbezaan pula mempunyai persamaan dengan dapatkan Loi Soh Loi dan Wu Yuan (2001) yang mendapati tidak terdapat perbezaan pandangan antara pelajar berlainan kursus dalam aspek kurang masa untuk melakukan persediaan, kurang menghafal dan lebih menggunakan kemahiran berfikir secara kreatif.

Oleh kerana situasi menduduki peperiksaan merujuk buku bukan merupakan satu bentuk peperiksaan yang popular dalam dunia akademik di Malaysia dan kurangnya pendedahan kepada para pelajar dengan bentuk peperiksaan tersebut sama ada daripada segi konsep atau perlaksanaannya, terutamanya di KUiTTHO, maka terdapat salah faham mengenai konsep dan pendekatan peperiksaan tersebut. Fenomena tersebut merupakan antara masalah yang dikenal pasti dalam mentadbir peperiksaan merujuk buku. Dapatkan dalam hal tersebut menunjukkan terdapat responden yang menyatakan mereka tidak membuat ulangkaji dan tidak biasa dengan peperiksaan merujuk buku (dalam masalah tidak mahu membuat ulangkaji, sebenarnya juga boleh dikaitkan dengan masalah sikap, kerana berdasarkan pengalaman pengkaji terdapat juga pelajar yang tidak mahu membuat ulangkaji walaupun bentuk peperiksaan biasa mereka duduki). Kurangnya pendedahan dengan cara menjawab dalam peperiksaan merujuk buku, menyebabkan responden menyatakan, antara masalah mereka dalam peperiksaan tersebut ialah mereka cenderung untuk menyalin bahan rujukan yang dibawa, berasa keliru untuk memilih kesesuaian bahan yang menepati kehendak soalan dan rimas dengan situasi yang memerlukan mereka membawa banyak sangat buku rujukan. Selain daripada masalah tersebut, kajian ini juga menunjukkan antara masalah yang dipersetujui oleh responden ketika menduduki peperiksaan merujuk buku ialah berlaku ketidakadilan sekiranya terdapat pelajar yang memiliki sumber rujukan yang melebihi pelajar lain dan berlakunya kekurangan buku rujukan yang berkaitan dengan kursus Pengajian Umum di Pusat Sumber KUiTTHO.

Dalam konteks bentuk-bentuk peperiksaan lain yang sesuai digunakan dalam mentadbir peperiksaan, khususnya untuk kursus Pengajian Umum, responden memberikan maklum balas yang agak kreatif dan menampakkan usaha mereka untuk mencuba bentuk-bentuk peperiksaan yang lain. Ekoran daripada itu, mereka mengemukakan beberapa cadangan bentuk peperiksaan seperti peperiksaan 'take home', peperiksaan secara berpasangan, peperiksaan secara berkumpulan dan peperiksaan secara lisan. Namun terdapat juga yang menunjukkan gambaran anti-peperiksaan dalam maklum balas mereka iaitu dengan memberi pandangan tidak perlu dijalankan peperiksaan bagi kursus Pengajian Umum di KUiTTHO. Pandangan sebegini terlalu kontra dengan tujuan peperiksaan iaitu antaranya untuk melihat sama ada seseorang pelajar telah menguasai perkara yang mereka pelajari dan Ee Ah Meng (1990) menegaskan antara perkara yang kerap menjadi isu bukanlah sama ada peperiksaan perlu dimansuhkan atau tidak tetapi kaedah atau bentuk peperiksaan itu dilaksanakan. Dalam konteks perkembangan teknologi komputer dan internet, responden juga tidak mahu ketinggalan daripada menggunakan medium tersebut untuk mengendalikan peperiksaan. Pandangan responden sesuai dengan penemuan yang dikemukakan oleh Goldstein (1986) yang mendapati bahawa komputer dapat menilai kemajuan pelatih dan menyelesaikan kaedah atau bahan yang digunakan mengikut keperluan pelajar kerana ia mempunyai kebolehan menyimpan dan mengingat data. Ekoran daripada justifikasi tersebut, responden mengemukakan cadangan menggunakan e-mel dan 'bulletin board' seperti 'nicenet.org' dan 'blackboard.com' untuk mengendalikan peperiksaan kursus-kursus Pengajian Umum di KUiTTHO.

## Penutup

Melihat kepada arus perdana di peringkat global atau Asean seperti Negara Thailand dan Singapura didapati perubahan daripada peperiksaan biasa kepada peperiksaan merujuk buku atau membuka buku telah dilaksanakan walaupun secara evolusi. Di Malaysia selain daripada usaha individu-individu tertentu, masih belum kelihatan satu usaha di peringkat nasional untuk menerima arus perubahan yang dimaksudkan. Oleh itu, pihak-pihak yang sinonim dengan dunia akademik seperti Kementerian Pendidikan dan pihak universiti perlu melihat hasil kajian ini secara proaktif untuk melakukan anjakan paradigma dalam membentuk sumber manusia berkualiti yang bakal memenuhi keperluan pasaran pekerjaan negara, terutamanya dalam menghadapi gelombang dunia tanpa sempadan dan ribut liberalisasi.

## Bibliografi

- Babbie, E.R (1973). *Survey Research Method*. Belmont, California U.S.A: Wadsworth Publishing Co.
- Ee Ah Meng (1990). *Pedagogi Satu Pendekatan Bersepadu*. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Goldstein I.L. (1986)."Training Organization: Needs Assessment, Development and Evaluation" Dalam R.M. Stoghill and A.Ens (eds). *Leader Behaviour: Its Description* Monterey: CA: Brooks/Cole.
- Krejcie R.V dan Morgan, D.W (1970). "Determining Sample Size for Research." Educational and Psychology Measurement.30.607-610.
- Loi Soh Lai and Wu Yuan (2001). "Open Book Examinations." Singapore: Nanyang Technological University.
- Mohanam K.P. (1997). "Open Book Examinations and Educational Goals." Kertas Kerja Seminar On the Conduct of Open Book Examinations. 25 Januari 1997. <http://www.cdtl.nus.edu.sg/publications/snote/OPENBOOK/opbk1.htm>
- Mohanam K.P. (2001). "Open Book Examinations." <http://www.cdtl.nus.edu.sg/publications/CDTLINK/LINK2/obe.htm>
- Mohd. Najib Ghafar (1997). *Access and Success: In Higher Education*. Skudai: UTM.
- Robiah Sidin (1994). *Pendidikan Di Malaysia*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Sooraj Nair (1996). "My: Advantage of 'open book' system."Sun. 15 Sepetember. <http://st-www.cs.uiuc.edu/~chai/berita/960830-960930/0213.html>.
- Stoner, James A.F. dan Charles Wankel (1989). *Management 3<sup>rd</sup> Ed.* (Terjemahan). Petaling Jaya: Amiza.
- Syuhada Choo Abdullah (2001). "Fakta Sejarah Boleh Menyedarkan Generasi Muda". *Berita Harian*. 25 Jun 2001:
- Utusan Malaysia (2001). "Nordin: Rombak Sistem Pendidikan Beri Peluang Melayu Cemerlang." *Utusan Malaysia*. 17 Julai 2001.